

20/07/2004

Putrajaya jiwa dan raga Tan Sri Azizan

By Mohd Azlan Jaafar

KEMATIAN adalah ketentuan yang pasti. Ada di antara kita memikirkannya setiap hari. Ada yang hanya dikejutkan mengenai lumrah alam itu apabila membaca atau mendengar berita sesuatu kematian dan ada yang langsung tidak mempedulikannya seperti kehidupan ini tiada akhirnya.

Tetapi kematian memberikan reaksi berbeza kepada setiap individu. Sebahagian besar akan berasa kesedihan dan rasa kehilangan. Tidak kurang menganggapnya permulaan kehidupan jauh daripada pelbagai kesukaran dunia.

Walaupun apa juga pandangan mengenai kematian, ia adalah mengenai kehilangan dan dalam setiap kehilangan akan rasa kerinduan, terutama apabila kematian itu mengejutkan.

Itu adalah perasaan yang dirasakan apabila mendengar kematian mengejut Allahyarham Tan Sri Azizan Zainul Abidin minggu lalu. Kepada mereka yang berada di Putrajaya, Tan Sri Azizan adalah Putrajaya dan Putrajaya adalah Tan Sri Azizan.

Pada kebanyakan acara sama ada kecil atau besar, perasmian taman yang indah dan bangunan tersergam sehingga melepaskan ikan untuk acara memancing pada awal pagi, Tan Sri Azizan pasti meluangkan masa.

Itu adalah komitmen orang yang terbabit secara langsung mewujudkan bandar ini daripada kawasan ladang kepada 'showcase' untuk pemimpin dan ketua negara Perancis, Jerman dan Russia.

Banyak sudah ditulis mengenai pencapaian Tan Sri Azizan sepanjang berkhidmat dalam kerajaan dan swasta sejak beberapa hari lalu.

Masyarakat melihatnya sebagai Pengerusi Petronas yang menjadikan syarikat petroleum kebangsaan itu gergasi yang dihormati pada peringkat antarabangsa.

Sebagai Pengerusi Penerbangan Malaysia (MAS), beliau memberikan 'sayap' untuk membolehkan syarikat penerbangan kebangsaan itu terbang dengan megah semula.

Jika Petronas adalah kesungguhan Tan Sri Azizan dan MAS adalah tanggungjawab besar, Putrajaya adalah jiwa dan raganya. Selain bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, Tan Sri Azizan yang juga Presiden Perbadanan Putrajaya adalah building block yang menjadikan bandar ini apa yang dilihat hari ini.

Beberapa bulan lalu ketika menjadi hos kepada wartawan di atas salah satu bot peranginan sambil makan malam di Tasik Putrajaya, rasa sayang dan bangga terhadap Putrajaya jelas terpampang di wajah Tan Sri Azizan.

Sepanjang belayar selama 90 minit itu, beliau berusaha menerangkan mengenai setiap bangunan, mercu tanda dan taman yang wujud sepanjang perjalanan.

Cara beliau bercakap mengenai Putrajaya adalah seperti rasa bangga seorang ayah melihat anak didiknya berjaya.

Ketika ditanya perasaannya bekerja dengan Dr Mahathir membangunkan Putrajaya, beliau hanya tersenyum sambil berkata: "Interesting"

Selesa sebagai penggerak di belakang tabir dan rasa rendah diri beliau berkata: "Dr Mahathir mahu Putrajaya menjadi hadiah kepada rakyat Malaysia. Beliau (Dr Mahathir) mahu membuktikan kita boleh membinanya."

Ketika perbincangan beralih kepada masalah Tanah Perkuburan Bukit Kiara yang mengalami masalah berikutan bantahan penduduk yang tidak mahu tanah perkuburan itu dibesarkan, beliau berkata Putrajaya tidak akan menghadapi masalah itu.

Katanya, kita memastikan tanah yang ada mencukupi untuk berpuluh-puluh

tahun.

"Apabila saya meninggal dunia, saya mahu dikebumikan di Putrajaya," katanya dan kini hasrat itu sudah ditunaikan.

Sambil berseloroh, beliau berkata ini kerana beliau pasti kuburnya akan sentiasa terjaga. Itu adalah Tan Sri Azizan dan betapa sayang dan penting Putrajaya kepadanya.

Seorang tokoh negara pernah berkata bahawa hanya sejarah akan menghakimi apa yang sudah dilakukannya.

Tan Sri Azizan sudah tercatat dalam sejarah Putrajaya tanpa perlu dihakimi. Dr Mahathir memberikan visi. Tan Sri Azizan menterjemahkan visi itu kepada realiti yang disaksikan di Putrajaya hari ini. Beliau adalah ayah dan anak Putrajaya.

Tan Sri Azizan sudah tiada tetapi kehadirannya di kebanyakan penjuru kawasan seluas kira-kira 4,900 hektar Putrajaya akan sentiasa dirasai. Putrajaya tidak akan sama selepas ini. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas rohnya. Al-Fatihah.

(END)